

Imbas kod QR untuk menyaksikan video eksklusif.



Kembalikan sinar Nadi Putra

Oleh NAZWIN NAZRI
dan AINI MAWAWI
Foto AMIN FARIJ HASAN

INDAH khabar dari rupa. Itu ungkapan yang sering diperkatakan sesetengah pihak khususnya pelancong luar ketika datang melawat Putrajaya.

Ini kerana walaupun berstatus pusat pentadbiran kerajaan yang tersergam indah dengan kepelbagaian seni bina dan landskap, tetapi yang terlepas pandang adalah Putrajaya berhadapan dengan masalah pengangkutan awam sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Masalah berkaitan bas henti-henti itu semakin memuncak ketika ini kerana Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan, menyebabkan jumlah pergerakan bas di dalam Putrajaya dikurangkan, manakala laluan luar pula dihentikan.

BERSAMBUNG KE MUKA 2

NADIPUTRA ingin memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna.





PLAZA LOW YAT & IMBI

LUBUK EMAS

WARGA ASING

BACA LAPORAN DI MUKA 9, 10 & 11



Bas kurang, tingkat belanja pengguna

DARI MUKA HADAPAN

Keadaan itu juga menyebabkan pengguna setianya mengeluh kerana terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi bagi perjalanan di dalam Putrajaya.

Berdasarkan tinjauan *Wilayahku* baru-baru ini, perjalanan bas Nadi Putra yang disediakan sepanjang tempoh PKPP hanyalah laluan dalam dan terus yang mana bagi laluan dalam Putrajaya, waktu perjalanan bermula pada pukul 9 pagi dan berakhir pada pukul 8.30 malam.

Bas tersebut akan berhenti sementara pada pukul 12 tengah hari dan bermula semula pada pukul 2.30 petang.

Bagaimanapun, waktu dipanjangkan bagi bas nombor L15 iaitu bermula pukul 6.30 pagi sehingga pukul 10.00 malam.

Bagi laluan terus iaitu bas khas untuk kakitangan awam dan swasta, waktu perjalanan dibahagikan kepada dua iaitu pagi dan petang.

Perjalanan pagi akan bermula pada pukul 6.30 sehingga 8.15 pagi manakala waktu petang bermula pukul 4.30 hingga 6.15 petang.

Laluannya pula digabungkan seperti perjalanan S01 akan bergerak bersama D02.

Kelewatan untuk menaiki bas pada pukul 8.15 pagi menyebabkan, *Wilayahku* terpaksa menunggu hampir sejam untuk mendapatkan bas laluan dalam yang bermula pukul 9 pagi.

Difahamkan, ia disebabkan bilangan bas yang beroperasi



PEKERJA swasta juga mengambil peluang menggunakan perkhidmatan bas untuk ke tempat kerja.

berkurangan daripada kebiasaan selain laluan juga ditherhadkan.

TRIP, LALUAN KURANG

Menurut penjawat awam, **Norakmal Mohamad**, 35, sepanjang tempoh PKPP ini, trip perjalanan bas yang berkurangan menyukarkannya dan rakan-rakan untuk bergerak di kawasan sekitar Putrajaya khususnya untuk ke tempat kerja.

“Pergerakan juga terhad pada hujung minggu kerana bas Nadi Putra tidak beroperasi.

“Berbanding dahulu, selain banyak trip perjalanan, Nadi Putra juga mempunyai pelbagai laluan dan pengguna tidak perlu tunggu lama untuk mendapatkan bas,” katanya ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Bercerita lanjut, Norakmal



NORAKMAL



NORADILA

menyatakan, dia terpaksa mengeluarkan kos perbelanjaan sehingga RM11 bagi perjalanan dari rumahnya di Presint 11 ke tempat kerja di Persiaran Perdana yang bergerak sejauh 7.3 km kerana terlepas bas pagi.

“Bayangkan kalau saya terlepas bas beberapa kali dalam sebulan, kos perbelanjaan pastinya meningkat.

“Kalau menaiki bas Nadi Putra, saya hanya perlu berbelanja RM1 sehari kerana tambang bagi satu laluan adalah 50 sen,” jelasnya yang sering

menggunakan bas D11 dan D12.

Berkongsi pengalaman yang sama, seorang lagi penjawat awam, **Noradila Kamis**, 24, berkata, dia juga terpaksa menaiki grab beberapa kali kerana bas henti-henti yang ditunggu tidak datang.

Ujarnya, dia pernah menunggu bas selama lebih satu jam dan akhirnya mengambil keputusan untuk mendapatkan grab.

“Tambang grab mahal jika dibandingkan dengan bas yang hanya 50 sen untuk kesemua destinasi,” katanya yang berharap trip ke rumahnya ditambah.

Noradila juga menyatakan bahawa, bas henti-henti bagi laluan terus ke Presint 11 hanya ada pada pukul 6.40 serta 7.20 pagi dan 4.30 serta 5.15 petang bagi perjalanan waktu pergi dan balik kerja.

LALUAN LUAR TIADA

Bagi surirumah, **Norizah Kamaruddin**, 51, yang tinggal di Gombak, Selangor pula, ketiadaan bas ‘perjalanan luar’ menyebabkan dia sukar untuk melakukan urusan di bandar rasmi Persekutuan itu se-



NORIZAH

lain terpaksa menunggu lama.

“Kalau dahulu, kelewatan bas dari Putrajaya Sentral hanya sekitar 10 hingga 15 minit sahaja. Kalau bas dari Kuala Lumpur yang masuk ke sini pula, pastinya tidak kurang daripada 30 minit.

“Jadual perjalanan pula sudah ditetapkan iaitu pada pukul 1 dan pukul 5 petang setiap hari,” jelasnya yang sering menggunakan bas untuk ke Putrajaya.

Dalam pada itu, tambah Norizah, dia berharap supaya bas ‘perjalanan luar’ kembali beroperasi bagi memudahkannya dan penduduk di luar Putrajaya melakukan urusan rasmi. **W K**

JADUAL OPERASI - PKPP	
LALUAN : S01 / D02	MASA AM : 0630, 0645, 0715, 0730, 0800, 0815 MASA PM : 1630, 1645, 1715, 1730, 1800, 1815
LALUAN : D03 / D04	MASA AM : 0645, 0730, 0815 MASA PM : 1645, 1730, 1815
LALUAN : D05 / D06	MASA AM : 0630, 0645, 0715, 0730, 0800, 0815 MASA PM : 1630, 1645, 1715, 1730, 1800, 1815
LALUAN : D09 / D10	MASA AM : 0630, 0645, 0715, 0730, 0800, 0815 MASA PM : 1630, 1645, 1715, 1730, 1800, 1815
LALUAN : D11 / D12	MASA AM : 0645, 0730, 0815 MASA PM : 1645, 1730, 1815
LALUAN : D13 / D14	MASA AM : 0645, 0730, 0815 MASA PM : 1645, 1730, 1815
LALUAN : S02 / S02	MASA AM : 0630, 0715, 0800 MASA PM : 1630, 1715, 1800

#BERSAMA MEMBENTAS COVID 19
#KITAJAGAKITA

Hanya 12 bas beroperasi, lapan trip sehari

SEJAK beberapa tahun kebelakangan ini, pelbagai isu timbul melibatkan bas awam Nadi Putra yang beroperasi di Putrajaya.

Aduan demi aduan yang diterima rata-ratanya menuntut agar pihak bertanggungjawab tampil untuk menyelesaikannya.

Sumber *Wilayahku* berharap agar pengangkutan awam yang sudah beroperasi lebih satu dekad ini kembali bersinar seperti dahulu kala ketika mana mula memberikan perkhidmatan kepada warga Putrajaya.

“Kalau boleh saya tidak mahu Nadi Putra ditutup dan hanya tinggal sejarah sahaja sedangkan satu ketika dahulu semasa Putrajaya dibangunkan, perkhidmatan

ini begitu penting dan menjadi pilihan ramai.

“Dulu waktu makan tengah hari sekali pun, ramai yang menggunakan bas untuk pulang seketika tetapi kini sambutan sangat hambar. Antara sebabnya, operasi Nadi Putra yang lemah membuatkan ia tidak lagi menjadi pilihan,” luahnya kesal.

Tambahnya, kini laluan operasi bas juga banyak ditutup selain digabungkan sehingga menjadi terhad.

“Saya difahamkan, sekarang hanya 12 buah bas sahaja yang beroperasi sedangkan Nadi Putra memiliki kira-kira 170 buah bas. Dalam masa sama, banyak bas rosak kerana tidak diselenggara

dengan baik.

“Jika dahulu perjalanan bas lebih kerap tetapi kini terhad dan hanya lapan trip perjalanan sehari. Malah hanya melibatkan laluan dalam sekitar Putrajaya berbanding sebelum ini, Nadi Putra turut bergerak ke Kuala Lumpur,” ujarnya.

Terangnya lagi, masalah tersebut mendatangkan kesan kepada pekerja yang mana mereka terpaksa akur apabila trip perjalanan berkurang sekali gus menjejaskan pendapatan.

“Pekerja terpaksa reda apabila hanya 12 buah bas yang beroperasi sedangkan pemandu adalah 88 orang. Malah ramai yang mengeluh kerana terpaksa bergantung



PULUHAN bas tersadai di depoh bas Putrajaya kerana tidak dapat diselenggara dengan baik.

harap kepada gaji asas semata-mata,” ujar sumber.

Dalam pada itu, sumber tersebut juga menegaskan, bas henti-henti dalam bandar ini juga

tidak mesra orang kelainan upaya (OKU) dan warga emas apabila menggunakan bas pelancongan yang tidak memiliki platform khas buat golongan tersebut. **W K**

Demi kelestarian Nadi Putra

Tambah baik dalam masa terdekat

Oleh **AINI MAWAWI**
ainiwilayahku@gmail.com

SISTEM pengangkutan awam yang efisien terutamanya di pusat pentadbiran kerajaan perlu cecap dan sistematik kerana ia akan memberi impak kepada penduduk dan pelancong.

Bagi melestarikan bandar tumpuan ramai ini, maka Perbadanan Putrajaya (PPj) giat mencari penyelesaian bagi memastikan pembangunan sistem pengangkutan awam tidak mendatangkan masalah serta membebaskan semua pihak.

Menurut Naib Presiden Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan PPj, **Ir Marzuki Abdullah**, pihaknya

memandang serius sebarang isu yang membabitkan sistem pengangkutan bas awam Nadi Putra.

“Pihak Presiden PPj, Datuk Dr. Aminuddin Hassim, bakal bertemu dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa bagi membincangkan penambahbaikan yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

“Ia melibatkan perbincangan yang merangkumi dari pelbagai sudut antaranya pelan bisnes, perbelanjaan tahunan yang terdiri daripada jangka pendek, panjang dan sebagainya yang dikira amat penting,” ujarnya.

Tambahnya lagi, perbincangan yang diadakan secara tidak

langsung itu akan mengenal pasti sebarang permasalahan sekali gus mendapatkan penyelesaian terbaik untuk kemudahan semua.

Menurut Marzuki lagi, PPj juga sedang berusaha untuk menggunakan teknologi hijau bagi mengurangkan pencemaran alam sekitar.

“Kita sekarang ke arah penggunaan sistem pengangkutan bas elektrik sepenuhnya di dalam Putrajaya,” ujarnya kepada **Wilayahku**. **W K**

NADI PUTRA merupakan pengangkutan awam utama yang digunakan penduduk setempat.



Waktu operasi: DBKL tunggu ulasan MKN, KKM

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menunggu ulasan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM) berhubung dengan permintaan Persatuan Peniaga Pasar Jalan Raja Bot dekat Chow Kit yang memohon agar waktu operasi dilanjutkan menjelang Hari Raya Aidil Adha minggu depan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan** berkata, pihak DBKL ketika ini masih mengkaji sebab penularan Covid-19 yang kini telah mencatatkan peningkatan.

Beliau berkata, pihaknya akan menunggu perkara itu yang akan dibincangkan dalam Pusat Pengurusan Krisis (CMC) Jumaat ini.

Terdahulu, persatuan peniaga tersebut telah memohon kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa untuk melanjutkan tempoh operasi di pasar tersebut sewaktu program *walk-about* pada Ahad lalu.

Sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Pasar Raja Bot beroperasi bermula jam 6 pagi hingga 6 petang.

Bagaimanapun, jadual operasi itu diubah kepada jam 6 pagi hingga 2 petang

bermula 1 Jun lalu dengan dengan penetapan hari Isnin ditutup untuk disinfeksi sebagai langkah pencegahan dan kawalan koronavirus (Covid-19).

Sementara itu, dalam perkembangan lain Menteri Wilayah Persekutuan memaklumkan, proses pembangunan pasar tersebut dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2023 mampu menyediakan lebih 1,500 peluang pekerjaan kepada warga tempatan.

“Projek naik taraf di Pasar Raja Bot berlaku sedikit kelewatan disebabkan kerumitan dihadapi kontraktor susulan projek dilaksanakan dalam keadaan aktiviti perniagaan berjalan seperti biasa.”

Pasar Raja Bot yang berusia 63 tahun itu dinaik taraf dengan nilai kira-kira RM200 juta akan dijalankan secara empat peringkat termasuk pasar basah, pasar kering, utiliti dan ruang parkir lapan tingkat. **W K**



NOR HISHAM

Imbas kod QR menggunakan aplikasi QR SCANNER atau GOOGLE LENS untuk menyaksikan video berita ini.



PPZ-MAIWP terima lebih RM12.9 juta zakat perniagaan

Oleh **SYAHIDI BAKAR**
diwilayahku@gmail.com

PUSAT Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) menerima lebih RM12.9 juta zakat perniagaan daripada 11 syarikat korporat, pada Selasa.

Sumbangan terbesar yang diterima adalah daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan jumlah RM5,381,038.40 diikuti UMW Holdings Berhad (RM4 147 654.50).

Selain itu, dua lagi syarikat korporat iaitu Zurich General Takaful Malaysia serta Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) turut sama menyerahkan zakat perniagaan dengan nilai masing-masing

RM1,089,281.98 dan RM1 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, **Ahmad Shukri Yusoff** berkata, walaupun berdepan situasi ekonomi sukar ketika ini, namun tanggungjawab tersebut perlulah ditunaikan segera oleh mereka yang layak berzakat.

“Zakat yang ditunaikan pasti memberi sinar dan senyuman kepada asnaf baharu yang lahir akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam mencegah wabak Covid-19”, katanya pada Majlis Zakat Korporat dan Penyerahan Sijil Zakat.

Mengulas lanjut, Ahmad Shukri memberitahu, dalam tempoh Januari sehingga Jun tahun ini, PPZ-MAIWP telah

mengutip zakat perniagaan sebanyak RM58,171,023.19 berbanding tempoh sama tahun lalu RM53,714,383.13.

Terdahulu, penyerahan zakat perniagaan disaksikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Zulkifli Mohamad AI-Bakri.

Pada majlis sama, PPZ-MAIWP turut menyerahkan sijil zakat kepada syarikat yang telah membayar zakat dengan agensinya di samping memperkenalkan logo pembayar zakat perniagaan sebagai tanda sokongan dan penghargaan.

Inisiatif itu dilihat sebagai pelengkap kepada sijil halal dan boleh digunakan pada produk keluaran syarikat terbabit. **W K**



ZULKIFLI (lima, belakang) bersama 11 wakil syarikat korporat yang membayar zakat perniagaan kepada PPZ-MAIWP dengan nilai keseluruhan lebih RM12 juta. **Ahmad Shukri** (belakang, tiga dari kiri).